

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : SKMM(S) 07-LD/110/8/3/63701/ad

Tarikh : 29 September 2009

**Global Surf Sdn Bhd**  
No. 31-2, Jalan USJ 1/1C  
Regalia Business Centre  
47620 Subang Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Melalui pos

Tuan,

**PENDAFTARAN SEBAGAI PEMEGANG LESEN KELAS PEMBERI PERKHIDMATAN APLIKASI [ASP(C)]**

Notis pendaftaran untuk lesen kelas (Borang D) bertarikh **31 Julai 2009** dari syarikat tuan adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Global Surf Sdn Bhd** telah didaftarkan sebagai pemegang lesen kelas pemberi perkhidmatan aplikasi (*applications service provider class license-ASP(C)*) pada **10 September 2009**. Pendaftaran Lesen Kelas ini adalah berkuatkuasa selama **1 tahun** dari tarikh pendaftaran tersebut. Sebarang permohonan untuk pendaftaran semula harus dikemukakan dalam tempoh 60 hari sebelum tamatnya tempoh sahlaku pendaftaran ASP(C) yang sedia ada.

3. Sila ambil maklum bahawa pihak tuan hanya dibenarkan menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah dinyatakan dalam Perkara 3 Borang Pendaftaran Lesen Kelas (Borang D) tuan. Sekiranya pihak tuan berhasrat untuk memberi mana-mana perkhidmatan selain daripada yang dicatatkan dalam Borang D, sila kemukakan maklumat mengenai perubahan tersebut bersama dengan bayaran seperti yang diperuntukkan di dalam Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Komunikasi Dan Multimedia (Pelesenan) 2000, seperti yang dipinda.

4. Menurut peruntukan Seksyen 126, Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998, seseorang yang mempunyai atau memberikan apa-apa kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, sama ada berkaitan dengan pemberi perkhidmatan aplikasi yang disebutkan di atas ataupun tidak, memerlukan lesen pemberi kemudahan rangkaian atau lesen pemberi perkhidmatan rangkaian yang berkenaan. Sekiranya pihak tuan memerlukan penjelasan lanjut mengenai lesen-lesen tersebut, sila hubungi Lim Hong Tean di talian 03-86888123.


5. Pihak tuan dinasihatkan melayari laman web SKMM untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai syarat-syarat lesen ASP(C) yang harus dipatuhi oleh pihak tuan.

<http://www.mcmc.gov.my/registers/cma/class/ASP%20Class%20Licence%20ASP.C.2005.3.pdf>.

6. Bersama ini disertakan salinan pendua notis pendaftaran yang telah diperakukan serta resit bernombor **106691** bagi bayaran fi sebanyak RM2,500.00 untuk simpanan tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**LAILA HASSAN**  
Ketua Jabatan Pelesenan  
Bagi Pihak Pengerusi